

PERTUNJUKAN TANAMAN DAN PERTUKANGAN: MEMARTABKANKAN PRODUK WARISAN HASIL TANGAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU

Ruhaizan Sulaiman, Ruzaini Sulaiman & Hamdan Aziz*

Abstrak

Pertunjukan tanaman dan pertukangan merupakan satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah untuk memajukan ekonomi dan mempromosikan produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu di negeri Terengganu. Kepelbagaian produk warisan hasil tangan yang diusahakan oleh masyarakat Melayu Terengganu menunjukkan masyarakat Melayu Terengganu adalah sebuah masyarakat yang mampu menghasilkan produk milik mereka sendiri untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan mahupun luar. Untuk mencapai kepentingan ini, pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan setiap tahun adalah satu langkah yang dilakukan oleh kerajaan Terengganu untuk memartabatkan produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu. Produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu termasuklah hasil tanaman seperti sayur-sayuran, padi, buah-buahan, kelapa dan pinang. Manakala hasil perternakan adalah seperti kambing, biri-biri, kerbau, ayam, itik dan lembu. Selain itu, hasil perikanan, sarong, getah dan pertukangan sekolah juga antara produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu di negeri Terengganu. Dengan merujuk kepada sumber primer yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia, cawangan Terengganu, makalah ini dapat dihasilkan.

Kata Kunci: Pertunjukan, Produk Hasil Tangan, Masyarakat Melayu dan Terengganu

Pengenalan

Negeri Terengganu terkenal dengan produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu yang penuh dengan ciri-ciri kerajinan, ketelitian, daya cipta, kreativiti dan kesenian. Ini kerana faktor persekitaran dan alam sekeliling yang mempengaruhi perusahaan produk warisan hasil tangan dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu. Sultan Sulaiman Badrul Syah merupakan sultan Terengganu yang ke-13 amat menggalakkan masyarakat Melayu di Terengganu

* Dr. Ruhaizan Sulaiman ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Keusahawanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Manakala Dr. Ruzaini Sulaiman dan Dr. Hamdan Aziz ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

melibatkan diri dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan ataupun Antarabangsa. Keprihatinan dan kecaknaan kerajaan negeri Terengganu di bawah pimpinan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dengan mengadakan dan menyertai pertunjukan tanaman dan pertukangan adalah untuk memartabatkan kepelbagaian warisan produk hasil tangan masyarakat Melayu agar ia kekal hingga ke generasi yang akan datang. Dengan adanya pertunjukan tanaman dan pertukangan ini, masyarakat Melayu Terengganu berpeluang untuk mempamerkan produk warisan hasil tangan mereka sendiri kepada masyarakat tempatan mahupun luar dan seterusnya meningkatkan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu. Disamping itu, pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan dapat memastikan pendekatan pengeluaran produk warisan hasil tangan semakin bertambah maju.

Pertunjukan Tanaman dan Pertukangan: Memartabatkan Produk Warisan Hasil Tangan


Peringkat Antarabangsa tahun 1924

Penyertaan masyarakat Melayu Terengganu dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di peringkat antarabangsa merupakan satu inisiatif kerajaan Terengganu untuk mengangkat kedudukan ekonomi dan seterusnya memartabatkan nilai warisan dari segi penghasilan produk hasil tangan. Berdasarkan rekod dari Pejabat Menteri Besar Terengganu pada tahun 1924, Produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu di Terengganu turut dipamerkan di peringkat antarabangsa iaitu melalui pertunjukan yang dikenali *British Empire Exhibition (B.E.E)*. *British Empire Exhibition (B.E.E)* bertujuan untuk memasyhurkan segala produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu termasuklah seni anyaman mengkuang, tenunan dan pertukangan kayu. Pada tahun 1924, J.L Humphreys Walter selaku Penasihat British di Terengganu mula mengambil inisiatif dengan menghantar surat kepada Yang Berhormat Naib Menteri Besar untuk menyertai dan mengenal pasti bilangan masyarakat Melayu di Terengganu yang akan menyertai pertunjukan tanaman dan pertukangan di peringkat antarabangsa yang dinamakan *British Empire Exhibition (B.E.E)* di London. Kesan daripada penyertaan tersebut, ianya dapat mengangkat nilai warisan turun-temurun dan seterusnya meningkatkan penghasilan produk yang lebih bermutu serta mendedahkan masyarakat Melayu Terengganu ke arah bidang ekonomi yang lebih maju.¹ Selain itu, masyarakat Melayu di Terengganu dapat berkongsi maklumat dan bertukar pendapat serta mengadaptasi kemajuan yang dicapai dari negara lain hasil dari penglibatan pelbagai negara dan kaum. Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah mencadangkan supaya sebanyak \$10,000 diperuntukkan bagi perbelanjaan negeri Terengganu dalam menjayakan pertunjukan *British Empire Exhibition (B.E.E)* di London. Perbelanjaan yang akan digunakan dalam peruntukkan bagi pertunjukan *British Empire Exhibition (B.E.E)* termasuklah bayaran untuk sewaan bangunan dan juga bayaran tambang pengangkutan kapal. Oleh hal yang demikian itu, kerajaan British bersetuju menyediakan modal sebanyak \$10,000 untuk negeri Terengganu sebagaimana yang dicadangkan oleh negeri Terengganu.² Hasil mesyuarat kerajaan negeri Terengganu yang diadakan pada 14 Ramadhan

1 J.M.B 455/1340, *Hendak Diadakan Pertunjukan Besar di London*. Surat daripada Setiausaha Yang Terutama Tuan *High Commissioner* kepada Penasihat British Terengganu.

2 J.M.B 455/1340, *Hendak Diadakan Pertunjukan Besar di London*.

1340, kerajaan negeri Terengganu di bawah pentadbiran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah bersetuju untuk menyertai pertunjukan *British Empire Exhibition* (B.E.E) di London pada tahun 1924 sebagaimana minit J.M.B Bilangan 455/1340 surat ketetapan mesyuarat am:




J.M.B 455/1340. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Telah berhimpun Ahli Mesyuarat Kerajaan kerana menimbangkan berkenaan dengan cadangan hendak mengadakan pertunjukan besar di London dalam tahun 1924 bagaimana tersebut dalam surat Tuan British Adviser bilangan 116/1922 dalam minit J.M.B 455/40 itu pada timbangan yang bertandatangan di bawah ini bersetuju kerajaan Terengganu memasukkan pertunjukan besar di London dalam tahun 1924 itu.³

Peringkat Kebangsaan 1929 dan 1933

Pertunjukan tanaman dan pertukangan peringkat kebangsaan turut disertai oleh masyarakat Melayu Terengganu pada tahun 1929 dalam pertunjukan yang dinamakan *Malayan Agri Horticultural Association* (MAHA). MAHA adalah satu pertunjukan yang melibatkan Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.



J.M.B 126/1352. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

3 Surat Ketetapan Mesyuarat Am Kerajaan Terengganu. Rujuk J.M.B 455/1340, *Hendak Diadakan Pertunjukan Besar di London*.

Maka di dalam tahun 1929, Terengganu telah mengirinkan banyak helai kain-kain yang daripadanya 55 helai telah dijual dan juga di dalam pertunjukan ini Terengganu telah beroleh empat hadiah daripada barang pertunjukan.

Menurut fail Pejabat Menteri Besar Terengganu, pada tahun 1933 *Malayan Agri Horticultural Association (MAHA)* turut mengadakan pertunjukan yang ke-10 bagi Semenanjung Tanah Melayu bertempat di Kuala Lumpur. Negeri Terengganu antara negeri yang mengambil bahagian dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di peringkat kebangsaan yang diadakan pada 5 hingga 7 Ogos 1933 sebagaimana surat daripada Setiausaha Kerajaan Terengganu kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Bija Wangsa, Penolong *Collector of Land Revenue* Kuala Terengganu:

Saya dengan hormat maklumkan iaitu menurut syor Yang Berhormat Tuan Adviser yang telah dipersetujui maka Terengganu akan masuk bercampur dalam pertunjukan yang ke sepuluh bagi Semenanjung Tanah Melayu yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 5,6 dan 7 Ogos 1933.⁴

Menurut Penasihat British Terengganu iaitu C.C Brown, jadual pertunjukan yang ke-10 bagi Semenanjung Tanah Melayu sudah dikirimkan ke Jajahan Timur, Jajahan Barat dan juga kepada Pegawai Tanah dan Galian Kuala Terengganu. Berkenaan dengan jenis barangan yang akan dipamerkan dalam pertunjukan ini, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu menghantar surat kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Bija Wangsa, Penolong Pegawai Tanah dan Galian Kuala Terengganu untuk membantu Penolong Penasihat Kemaman dan Besut serta Pegawai Tanah dan Galian Kuala Terengganu untuk menyenaraikan barangan yang akan dipamerkan. Antara jenis barangan yang tersenarai untuk dimasukkan dalam pertunjukan ke-10 bagi Semenanjung Tanah Melayu di Kuala Lumpur termasuklah produk tanaman, pertukangan, hasil perikanan dan tekstil.⁵ Ini menunjukkan bahawa produk hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu mampu ke peringkat yang tinggi untuk kemajuan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu.


Pertunjukan Tanaman dan Pertukangan Peringkat Negeri

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Terengganu menetapkan pertunjukan tanaman dan pertukangan daerah Kemaman dan Dungun diadakan pada bulan Jun 1934. Manakala pertunjukan tanaman dan pertukangan bagi daerah Kuala Terengganu dan Besut akan diadakan pada bulan Julai 1934.

4 J.M.B 126/1352, *Pertunjukan Yang ke-10 bagi Semenanjung Tanah Melayu*. Memorandum daripada Penasihat British kepada yang berhormat Menteri Besar Terengganu.

5 J.M.B 126/1352, *Pertunjukan Yang Ke-10 bagi Semenanjung Tanah Melayu*. Memorandum daripada Penasihat British kepada yang berhormat Menteri Besar Terengganu.

PERTUNJUKAN TANAMAN DAN PERTUKANGAN: MEMARTABATKAN PRODUK WARISAN
HASIL TANGAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU



J.M.B 629/1352. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Berdasarkan surat dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu berkaitan dengan penganjuran pertunjukan tanaman dan pertukangan pada tahun 1934 di negeri Terengganu adalah seperti berikut: *Adalah saya dengan hormat maklumkan iaitu berkenaan dengan cadangan di dalam mesyuarat oleh pegawai-pegawai British dicadangkan pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman dan Dungun pada bulan Jun dan Kuala Terengganu dan Besut pada bulan Julai 1934 itu telah ditimbang dan dipersetujui di dalam mesyuarat dengan ketetapan yang telah dipersetujui oleh Pemangku Raja.*⁶ Apa yang jelas, setiap daerah di negeri Terengganu iaitu bermula dari Kuala Besut hingga Kemaman akan mengadakan pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah masing-masing bagi mempromosikan produk hasil tangan yang diusahakan oleh masyarakat Melayu Terengganu termasuklah produk perikanan, tekstil, buah-buahan, sayur-sayuran. Bagi melaksanakan dan menjayakan pertunjukan yang ditetapkan ini, Penolong Penasihat dan Tuan *Collector of Land* di Dungun, Besut,⁷ Kuala Terengganu⁸ dan Kemaman,⁹ boleh mendapatkan bantuan daripada *Commissioner of Lands Mines* dan Pegawai Daerah di setiap daerah masing-masing.¹⁰

- 6 J.M.B 629/1352, *Pertunjukan Tanaman dan Pertukangan 1934*. Surat daripada Setiausaha Kerajaan Terengganu.
- 7 Di daerah Besut, Mr. A.J Gracie dilantik sebagai *Collector of Lands Besut* sehingga 29 April 1932. Semasa beliau mengambil cuti panjang, beliau melepaskan jawatan kepada M.J Haywars. Rujuk C.L.M 158/1351, *Annual Report 1932*.
- 8 Mr. R.E Turnbull ditugaskan sebagai *Collector of Land* di daerah Kuala Terengganu sehingga tamat tempoh perkhidmatannya. Rujuk C.L.M 158/1351, *Annual Report 1932*.
- 9 Mr. J.R Neave selaku Pesuruhjaya Tanah sehingga 25 Mac 1932. Pengutip Cukai Tanah di setiap daerah pada tahun 1932 ialah Mr A.L Birse di Kemaman, kemudian Mr G.E Clayton menggantikan Mr A.L Birse pada 22 Mac 1932. Kematian Mr G.E Clayton secara mengejut pada 30 Mac 1932, jawatannya selaku *Collector of Land* di Kemaman digantikan pula dengan Mr C.P Smith sehingga beliau bersara pada 19 Oktober 1932. Seterusnya M.C f.f Sheppard menggantikan jawatan *Collector of Land* di Kemaman. Rujuk C.L.M 158/1351, *Annual Report 1932*.
- 10 J.M.B 629/1352, *Pertunjukan Tanaman dan Pertukangan 1934*. Surat daripada Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Produk hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan pada tahun 1934 di Kuala Terengganu iaitu pertama, kumpulan padi (cedongan, tugal dan pulut). Kedua, kumpulan lembu kerbau (kerbau jantan dan lembu jantan). Ketiga, kumpulan biri-biri kambing (kambing jantan dan biri-biri jantan). Keempat, kumpulan buah-buahan (pisang nangka, pisang keling, pisang emas, pisang lemak manis, limau langkap, limau haji dolah, limau purut, limau nipis, ciku, betik, nanas besar, nanas kecil, nangka, rambutan, manggis, langsung, duku, durian, tebu, halia, kunyit, sireh, gambir, tembakau. Kelima, kumpulan sayur-sayuran (ubi, keladi, timun, labu air, petola ular, kacang, lobak, cili (lada cina), lada cina besar, lada cina Marang, labu peringgi, sawi, cengkih, buah pala, kobis dan terung. Keenam, kumpulan ayam itik (ayam jantan bukan bangsa sabung, ayam betina, itik jantan, itik betina, telur ayam, itik dan angsa). Ketujuh, kumpulan ikan (ikan kering dan ikan kering jenis mahal). Kelapan, kumpulan Nyiur dan pinang kering (nyiur kering, pinang kering belah, pinang kering bulat). Kesembilan, kumpulan pertukangan (sarung, benang emas, kain telepok, tikar kasar, tikar halus, terendak, tudung saji, penyapu, barangan besi, tekat-menekat, bakul buluh, karung, barang tembaga kuning, barang kayu, tali sabut, tali kail dan tali rotan. Setelah tamatnya pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan di Kuala Terengganu, produk hasil tangan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu akan dijual sebagaimana jadual berikut:

Jadual 1: Nama Pemilik Barang, Jenis dan Harga Produk Hasil Tangan Masyarakat Melayu di Kuala Terengganu 1934

Bil	Nama Pemilik Barang	Jenis Produk Hasil Tangan	Harga
1	Wok Bt Soleh	Telur ayam	18 sen
2	Idris	Gambir	5 sen
3	Pak Salleh Seberang Marang	Penyapu sampah	25 sen
4	Abu Bakar bin Abdullah	Lada besar	5 sen
5	Penghulu Tahir bin Ali	Limau penawar	5 sen
6	Penghulu Tahir bin Ali	Buah manggis	10 sen
7	Sulaiman bin Tahir	Satu butir Buah Nanas besar	5 sen
8	Abdullah Bin Ahmad	Lesong Kayu	60 sen
9	Abdul Rahman bin Abu	Nangka besar	50 sen
10	Yusof bin Yaakob	Pisang keling	20 sen
11	Pak Omar	Tikar karung	30 sen
12	Penghulu Yusof bin Ismail	Terendak	\$1.00
13.	Abdul Rahman bin Abu	Satu Butir Nangka	50 sen
14	Idris Setapa	Gambir	5 sen
15	Pak Salleh Seberang Marang	Penyapu sabut	25 sen ¹¹


Sumber: L.O.M 68/1934. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

11 J.M.B 231/1352, *Pertunjukan Perusahaan di Kemaman Tahun 1352 (1934)*. Report daripada Penasihat British Terengganu.

PERTUNJUKAN TANAMAN DAN PERTUKANGAN: MEMARTABATKAN PRODUK WARISAN
HASIL TANGAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU

Berdasarkan jadual 1, terdapat 15 barangan yang dijual selepas tamatnya pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kuala Terengganu pada tahun 1934. Produk hasil tangan iaitu terendak milik Penghulu Yusof bin Ismail merupakan barangan yang paling mahal dijual berbanding barangan yang lain dengan harga \$1.00. Diikuti lesong kayu milik Abdullah bin Ahmad yang dijual dengan harga yang kedua paling tinggi iaitu 60 sen. Manakala barangan pertunjukan kepunyaan Abdul Rahman bin Abu iaitu satu butir nangka besar dijual dengan harga 50 sen. Tikar karung milik Pak Omar dijual dengan harga 30 sen. Penyapu sampah dan penyapu sabut masing-masing dijual dengan harga 25 sen. Bagi pisang keling pula, Yusof bin Yaakob menjualnya dengan harga 20 sen. Telur ayam dijual dengan harga 18 sen dan buah manggis milik Penghulu Tahir bin Ali dijual dengan harga 10 sen. Bagi produk hasil tangan seperti gambir, lada besar, limau penawar, satu butir buah nenas besar dan gambir masing-masing dijual dengan harga 5 sen.

Bagi pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan di daerah Kemaman pada tahun 1934 merupakan pertunjukan kali yang pertama dianjurkan. Pertunjukan ini diadakan di kawasan lapang yang ada sedikit bayangan pokok dengan mendirikan bangsal di sebelah utara Persekutuan Majlis Pejabat Pegawai. Tempat yang dipilih amat sesuai digunakan sebagai tempat pertunjukan di Kemaman. Terdapat tujuh kategori pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Kemaman iaitu kategori ikan kering, padi, sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, itik, telur, kerbau, lembu dan pertukangan. Setiap satu kategori barangan akan disediakan bahagian tempat meletakkan barangan masing-masing. Terdapat juga bahagian tempat pertunjukan kayuan, galian, perkakas besi dan tembaga. Jumlah keseluruhan peserta barangan pertunjukan di daerah Kemaman yang didaftarkan adalah seramai 816 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 300 penyertaan dalam kategori padi yang disertai oleh masyarakat Melayu di daerah Kemaman.




J.M.B 231/1352. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Bahagian padi molek sangat sama ada pertunjukan segamal padi dan secupak beras ada buah-buahan, nenas, limau nipis dan ciku yang boleh dikatakan baik benar dan subur begitu jua ada labu-labu yang terlampau besar. Dalam bahagian ayam maka


ayam-ayam yang menang itu kedua-duanya ayam yang dibawa masuk dari Siam. Akan tetapi banyak pertunjukan ayam ternakan negeri ini. Ada beberapa biji telur yang boleh terkeliru sangka iaitu telur-telur ternakan barat (Eropah). Di dalam bahagian pertukangan ada ditunjukkan renda-renda yang amat baik. Maka tekatan muka selipar menarik perhatian ramai. Kain terap pun banyak jua pertunjukan beberapa banyak benda-benda ini dijual lepas daripada pertunjukan itu.

Dengan jumlah peserta yang ramai, ini menunjukkan bahawa pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan mendapat sambutan yang amat memberansangkan oleh masyarakat tempatan. Semangat tolong-menolong yang diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu di Kemaman merupakan asas kepada kejayaan yang dicapai dalam perkembangan ekonomi produk hasil tangan masyarakat dan negeri Terengganu.¹²



J.M.B 231/1352. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Untuk memeriahkan lagi pertunjukan tanaman dan pertukangan ini, pengunjung-pengunjung yang datang dapat menonton wayang gambar selama empat jam melalui siaran udara dari Singapura. Wayang gambar dapat ditonton oleh pengunjung di sebuah bangunan yang didirikan khas dan diperbuat dari kajang.



J.M.B 231/1352. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

12 S.T 60/1352, *Pertunjukan Perusahaan di Kemaman Dalam Tahun 1352 (1934)*. Report daripada Penasihat British Terengganu. Rujuk juga J.M.B 231/1352, *Pertunjukan Perusahaan di Kemaman Tahun 1352 (1934)*. Report daripada Penasihat British Terengganu.

Tiga orang yang terdiri daripada Penolong Penasihat British, Penolong *Engineer* Haji Wan Mamat dan Mr. Tiong Sui Manager Kemaman telah dilantik sebagai hakim dalam pertunjukan dan tanaman di Kemaman pada tahun 1934. Manakala ahli jawatankuasa pertunjukan ditubuhkan untuk menguruskan barangan yang dipertandingkan serta bertanggungjawab mengumpul nama orang yang akan menyertai pertunjukan ini.¹³ Hadiah yang ditawarkan adalah berupa wang tunai yang berharga tidak lebih dari \$2.00 dan setengahnya adalah hadiah berupa barangan buatan tempatan yang disumbangkan hasil dari kutipan yuran peserta, sumbangan daripada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dan Penasihat British Terengganu serta orang persendirian. Bagi mengalakkan kehadiran dan penyertaan dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Kemaman pada tahun 1934, ahli jawatankuasa pertunjukan menyediakan Perahu Kajangan untuk pengangkutan para peserta dan pengunjung.

Gambar 1: Perahu Kajangan untuk Pengangkutan Pengunjung dan Peserta Pertunjukan



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Bagi melicinkan lagi pertunjukan tanaman dan pertukangan yang akan diadakan, ahli jawatankuasa pertunjukan membuat rundingan khas dengan pemilik perahu supaya dikenakan tambang pengangkutan yang murah kepada pengunjung dan peserta pertunjukan. Sebahagian lagi tambang pengangkutan akan ditanggung oleh kerajaan. Perkara ini dilakukan untuk memberi kesenangan dan kemudahan kepada pengunjung dan peserta pertunjukan tanaman dan pertukangan yang akan diadakan.¹³ Pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Kemaman diteruskan lagi pada tahun 1935 dan dirasmikan oleh DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Ini memperlihatkan bahawa Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berperanan besar dalam meneruskan warisan produk hasil tangan dan menentukan hala tuju ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu pada ketika itu. Bagi memeriahkan

13 J.M.B 231/1352, *Pertunjukan Perusahaan di Kemaman Tahun 1352 (1934)*. Report daripada Penasihat British Terengganu.

lagi pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman pada tahun 1935, ahli Jawatankuasa pertunjukan mendirikan bangsal dan rak agar lebih tersusun untuk mempamerkan pelbagai jenis produk hasil tangan tempatan sebagaimana kenyataan laporan oleh Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu: *attap sheds with long shelves to contain the various products were put up for the occasion.*

Gambar 2: Bangsal dan rak yang didirikan untuk Pertunjukan



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Kemeriahan suasana pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan pada tahun 1935 di daerah Kemaman menggambarkan bahawa masyarakat Melayu Terengganu menyambut baik pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan. Terdapat tujuh produk hasil tangan masyarakat Melayu di Kemaman yang dipamerkan dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan. Ini termasuklah sayur-sayuran, padi, buah-buahan, minyak, ayam itik dan telur, ikan dan pertukangan.

Jadual 2: Jenis Produk Hasil Tangan, Jumlah Produk dan Nama Hakim bagi Pertunjukan Tanaman dan Pertukangan di Kemaman tahun 1935

Bil	Jenis Produk Hasil Tangan	Jumlah Produk	Nama Hakim
1	Sayur-sayuran	242	Che Khamzah dan Mr Lui Ah Hon
2	Padi	125	A.T Newboults dan Haji Wan Mamat
3	Buah-buahan	187	A.T Newboults dan Mr Tan Teck Siew
4	Minyak	80	A.T Newboults dan Mr Tan Teck Siew
5	Ayam, itik dan telur	118	A.B Cobden Ramsay dan Che Yusof
6	Ikan	28	Tengku Wangsa dan Che Ali bin Abdullah
7	Pertukangan	204	Tengku Wangsa dan Mr Kimura
	Jumlah keseluruhan	984	

Sumber: C.L.M 310/1353. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Jadual 2 menunjukkan tujuh jenis produk hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu yang menyertai pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman pada tahun 1935. Produk sayur-sayuran adalah kategori yang paling tinggi iaitu sebanyak 242 penyertaan dan dihakimi oleh Che Khamzah dan Mr Lui Ah Hon. Sebanyak 204 peserta yang berdaftar untuk pertunjukan kategori pertukangan. Bagi produk buah-buahan, sebanyak 187 penyertaan yang terdiri daripada masyarakat Melayu di Kemaman. Kategori buah-buahan dihakimi oleh A.T Newbould dan Mr Tan Teck Siew. Manakala penyertaan ke atas produk padi pula adalah sebanyak 125 orang, kategori ayam, itik dan telur pula adalah sebanyak 118 penyertaan dan dihakimi oleh A.B Cobden Ramsay dan Che Yusof. Produk ikan juga adalah antara barangan pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman pada tahun 1935. Jumlah peserta pertunjukan untuk produk ikan adalah seramai 28 orang peserta. Produk ikan yang dipamerkan adalah ikan kering saiz besar dan ikan kering saiz kecil. Manakala hakim yang dilantik untuk menilai kategori produk ikan ialah Tengku Wangsa dan Che Ali Abdullah. Kategori produk ikan dilihat sebagai kategori yang terbaik sekali dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman pada tahun 1935 sebagaimana kenyataan oleh Penasihat British Terengganu: *A good and at the same time a practical exhibit was that of dried fish from Kuala.*¹⁴ Apa yang jelas produk hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu adalah produk istimewa dan masyhur dalam kalangan masyarakat tempatan mahupun luar. Menurut Penasihat British Terengganu, pertunjukan Tanaman dan Pertukangan di daerah Kemaman pada tahun 1935 mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh para peserta dan pengunjung kerana persediaan dan perancangan yang dilaksanakan oleh ahli jawatankuasa secara sistematik. Kerjasama yang baik antara pihak penganjur dengan para peserta juga dapat melancarkan lagi program yang diatur sebagaimana kenyataan oleh J.E Kempe selaku Penasihat British Terengganu:

*...However it is perhaps better that the show should stand on its own merits and an attendance of about 1000 was in fact achieved. The show can I think be regarded as fairly successful and for the really excellent system of labelling, classification and marking of prize exhibits particular credit amongst many willing helpers must go to Che Dahlan bin Wahab, Chief Clerk Land Office, Kemaman.*¹⁵

Manakala pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Besut dan Setiu turut diadakan pada tahun 1935. Pertunjukan ini diadakan di Kampung Raja pada hari Rabu bertarikh 19 Jun 1935. Antara produk hasil tangan masyarakat Melayu di Besut dan Setiu dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan termasuklah sayur-sayuran (terung, jagung, sireh, ubi kayu, ubi badak, ubi setela dan tebu), padi, buah-buahan, hidupan kecil, getah dan pertukangan (tikar halus, tudung saji, tali rotan, badang dan perangkap tikus buatan sendiri). Untuk melancarkan pertunjukan ini, semua barangan akan dibawa oleh peserta ke tempat pertunjukan di Kampung Raja selewat-lewatnya pukul 12 tengah hari, hari Selasa bertarikh 18 Jun 1935. Berdasarkan fail Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu 1346, pada tahun 1935, pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Dungun dan Paka turut diadakan pada 21 Julai 1935. Barangan hasil tangan masyarakat Melayu di Dungun dan Paka yang didaftarkan

14 C.L.M 310/1353, *The Agri Horticultural Shows 1935*. Daripada *Commissioner of Lands and Mines Terengganu*.

15 C.L.M 310/1353, *The Agri Horticultural Shows 1935*. Daripada Penasihat British Terengganu dan Penolong Penasihat British Kemaman pada 1 Julai 1935.

untuk pertunjukan tanaman dan pertukangan termasuklah sayur-sayuran, padi, buah-buahan, hidupan dan produk pertukangan.¹⁶

Pada tahun 1936, pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Besut dan setiu diteruskan lagi sebagaimana menurut memorandum rasmi daripada *Collector of Land Revenue*, Besut kepada *Collector of Land Revenue*, Kuala Terengganu, pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Besut dan Setiu akan diadakan di Kampung Raja¹⁷ pada 4 hingga 5 Ogos 1936. Antara barangan tempatan yang disenaraikan dalam pertunjukan tanaman Besut dan Setiu di Kampung Raja termasuklah produk perikanan seperti ikan kering. Sayur-sayuran, daun-daun, padi, buah-buahan, getah, hidupan kecil, pertukangan dan peraduan perahu juga antara produk yang disenaraikan.¹⁸ Dalam memastikan bilangan peserta yang ramai bagi kategori produk perikanan, Penghulu Kampung di setiap jajahan berperanan penting menghebohkan dan memaklumkan kepada masyarakat di pesisir pantai Terengganu untuk menyertai pertunjukan yang diadakan. Penghulu Kampung juga berperanan memastikan berapakah jumlah bilangan mereka yang akan melibatkan diri dalam pertunjukan tersebut. Perbelanjaan bagi membawa dan mengangkut barangan pertunjukan tanaman Besut dan Setiu ke tempat pertunjukan adalah di bawah tanggungan peserta sendiri.¹⁹ Ahli Jawatankuasa penganjur pertunjukan tanaman Besut dan Setiu pada tahun 1936 mencadangkan dan bersetuju memberi hadiah yang lebih besar kepada peserta pertunjukan yang menang berbanding pada tahun 1935. Ini dilakukan untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat Melayu di Terengganu mengambil bahagian dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan setiap tahun sebagaimana surat daripada *Collector of Lands* Kuala Terengganu:

*Adalah saya dengan hormat bermaklumkan iaitu kerajaan dengan murah hati akan mengurniakan wang bagi perbelanjaan pertunjukan ini. Sesungguhnya begitu telah dicadangkan hendak memberi hadiah yang besar sedikit daripada sedia supaya mengemarkan rakyat mengambil bahagian yang lebih dalam pertunjukan ini.*²⁰

Jelaslah bahawa kerajaan di bawah pentadbiran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah amat menitikberatkan ekonomi masyarakat tempatan dengan memberi bantuan kewangan bagi kegunaan ahli jawatankuasa pertunjukan yang diadakan dalam memajukan perusahaan produk hasil tangan masyarakat Melayu di Terengganu. Sokongan kuat dari Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah terserlah apabila Baginda berkenan merasmikan pertunjukan tanaman dan pertukangan di daerah Kuala Terengganu pada 30 Julai 1936 pukul 11 pagi. Enam peraturan yang ditetapkan dalam pertunjukan tersebut iaitu pertama, barangan yang hendak dipamerkan hendaklah sampai ke tempat pertunjukan di kawasan Sekolah Perempuan Paya Bunga Kuala Terengganu tidak lewat daripada pukul 12 tengahari pada 29 Julai 1936. Kedua, barangan

16 C.L.M 310/1353, *The Agri Horticultural Shows 1935*.

17 Kampung Raja merupakan pusat pentadbiran daerah Besut pada ketika itu. Barangan pertunjukan yang dihasilkan oleh masyarakat perlu dikumpul di Kampung Raja, Besut. L.O.T 415/1936, *Pertunjukan Tanaman-Tanaman di Kampung Raja Besut 1936*. Daripada *Collector of Land Revenue*, Kuala Terengganu.

18 L.O.T 415/1936, *Pertunjukan Tanaman-Tanaman di Kampung Raja Besut 1936*. Daripada *Collector of Land Revenue* Besut & Setiu. Rujuk juga C.L.M 249/1936, *Pertunjukan Tanaman Di Kampung Raja Besut 1936*. Daripada Setiausaha Kerajaan Terengganu kepada Penolong Adviser Besut A.N Ross pada 18.4.1355.

19 L.O.T 415/1936, *Pertunjukan Tanaman-Tanaman di Kampung Raja Besut 1936*. Memo daripada *Collector of Land* Kuala Terengganu kepada Penghulu setiap mukim.

20 S.T 38/1355, *Berkenaan Pertunjukan Tanaman di Kuala Terengganu*.

pertunjukan mestilah diikat dengan satu alamat atau label dan ditulis nama tuan barang, jenis barang serta tempat ditanam atau diusahakan. Ketiga, barangan yang dipamerkan bolehlah dijual selepas selesai pertunjukan yang diadakan. Keempat, hadiah pemenang adalah berdasarkan kepada keputusan hakim yang menilai. Kelima, bagi peserta yang kehilangan barangan pertunjukan, Pejabat Tanah dan Galian tidak akan bertanggungjawab. Namun begitu, Pejabat Tanah dan Galian boleh menyasiat sekiranya ada laporan yang dibuat oleh peserta. Keenam, barangan yang dibawa untuk pertunjukan hendaklah barangan yang diusahakan sendiri oleh masyarakat tempatan negeri Terengganu. Terdapat 11 kategori barangan yang dipertandingkan dalam pertunjukan di Kuala Terengganu pada tahun 1936 iaitu kumpulan padi, kerbau, lembu, kambing, biri-biri, buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, itik, ikan, kelapa kering, pinang kering, sarong, getah para dan bahagian pertukangan sekolah.²¹ Bagi menjayakan pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kuala Terengganu pada tahun 1936 ini, hakim-hakim yang bertauliah untuk menentukan keputusan pertandingan produk hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu telah dilantik.

Jadual 3: Nama Hakim yang dilantik untuk Jenis produk hasil Tangan

Bil	Kumpulan	Jenis Produk Hasil Tangan	Nama Hakim yang dilantik
1	A	Padi	Tuan A.T Newboul, Dato Sri Amar dan Dato Biji Sura
2	B	Kerbau dan lembu	Dr Braine dan Dato Jaya Perkasa
3	C	Kambing dan biri-biri	Dr Braine dan Dato Jaya Perkasa
4	D	Buah-buahan	T. Sri Setia Raja dan Tuan D.B Arnott
5	E	Sayur-sayuran	Che A. Rahman b. Dato Jaya dan Che Ali bin Long
6	F	Ayam dan Itik	Mem Newboul dan Dato Msaha Kurnia
7	G	Ikan	Dato Jaya Perkasa dan taukeh Wee Sew Lock
8	H	Nyiur (kelapa Kering) dan pinang kering	Tuan Mc.ff Sheppard dan towkey Keng Liat
9	I	Sarong	Mem Newboul dan T. Pekerma Wira
10	J	Getah Para	Tuan H.D.L Fisher
11	K	Pertukangan Sekolah	Tuan Simcock

Sumber: L.O.T 404/1936. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Jadual 3 menunjukkan 11 kategori produk hasil tangan yang dipamerkan dan senarai nama hakim yang dilantik dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kuala Terengganu pada tahun 1936. Setiap jenis barangan hasil tangan masyarakat Melayu yang dipamerkan dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan Kuala Terengganu pada tahun 1936 akan dinilai oleh hakim yang dilantik oleh jawatankuasa pertunjukan. Kategori padi dihakimi oleh Tuan A. T Newboul, Dato Sri Amar dan Dato Biji Sura, kategori kerbau, lembu, kambing dan biri-biri dihakimi oleh Dr Braine dan Dato Jaya Perkasa. Manakala kategori pertunjukan buah-buahan oleh T. Sri Setia Raja dan Tuan D.B Arnott. Che A. Rahman b. Dato Jaya dan Che Ali bin

21 S.T 38/1355, *Berkenaan Pertunjukan Tanaman di Kuala Terengganu*. Daripada *Collector of Lands Revenue*. Rujuk juga L.O.T 404/1936, *Contributions Towards the Kuala Terengganu Agricultural Show for 30 July 1936*.

Long akan menghakimi produk hasil tangan masyarakat Melayu iaitu sayur-sayuran. Kategori ayam dan itik oleh Mem Newboulton dan Dato Msaha Kurnia, produk ikan pula dihakimi oleh Dato Jaya Perkasa dan taukeh Wee Sew Lock. Tuan Mc. ff Sheppard dan towkey Keng Liat akan menghakimi kategori nyiur (kelapa kering) dan pinang kering. Kategori sarong oleh Mem Newboulton dan T. Pekerma Wira. Bagi kategori getah para pula adalah di bawah hakim Tuan H.D.L Fisher dan ketegori pertukangan sekolah di bawah Tuan Simcock.²²

Pada tahun 1938, pertunjukan tanaman dan pertukangan bagi produk hasil tangan diteruskan dan diadakan di setiap jajahan negeri Terengganu. Ini memperlihatkan wujudnya perkembangan dan kepentingan produk hasil tangan masyarakat Melayu Terengganu dipamerkan untuk mendapat keuntungan yang besar dan seterusnya meningkatkan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu sebagaimana surat daripada Pesuruhjaya Tanah dan Galian Terengganu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu: *Adalah saya dengan hormat maklumkan iaitu berkenaan dengan pertunjukan tanaman bagi tahun 1938 maka bagi jajahan Besut, Dungun dan Kemaman telah selesai dijalankan dan pertunjukan di jajahan Kuala Terengganu akan diadakan pada awal bulan Oktober ini. Saya fahamkan pertunjukan pada tahun ini bertambah besar dan lebih kegemaran kepada rakyat negeri dalam perkara tanaman dan perusahaan begitu diharapkan bertambah kemajuannya pada masa yang akan datang.*²³

Bagi jajahan Barat Besut, pertunjukan tanaman dan pertukangan bagi tahun 1938 diadakan pada 11 Julai 1938 bertempat di Kampung Raja, Besut dan tentatif pertunjukan disediakan oleh Penolong Penasihat Besut. Sokongan padu yang diberikan oleh kerajaan dilihat apabila DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah berkenan untuk merasmikan pertunjukan tanaman dan pertukangan di Besut. Berdasarkan surat daripada Pejabat Pesuruhjaya Besar Jajahan Barat Besut kepada Setiausaha Sulit Ke Bawah DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada 30 Jun 1938, bagi menarik lebih ramai pengunjung ke tapak pertunjukan, penganjur dan ahli jawatankuasa perlu menyusun strategi dan perancangan yang sistematik dengan mempamerkan barangan pertunjukan dengan lebih tersusun dan rapi supaya dapat menarik perhatian ramai pengunjung yang datang.²⁴ Senarai produk hasil tangan masyarakat Melayu di Besut dan Setiu untuk dipamerkan dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan tahun 1938 sebagaimana jadual 4:

Jadual 4: Produk Hasil Tangan Masyarakat Melayu bagi Pertunjukan Tanaman dan pertukangan Daerah Besut tahun 1938.

Bil	Kategori/ Jenis
1	Barangan pertukangan: tikar halus satu bidang, tikar besar satu bidang, tikar kasar satu bidang, tudung saji bertekat satu butir, tudung saji besar satu butir, tudung saji kecil satu butir, bantal satu pasang, bantal kusyen satu pasang, kipas satu pasang, penyapu sabut satu pasang, tali rotan halus satu lekar, tali rotan kasar satu lekar, tali sabut kasar satu lekar, tali sabut halus satu lekar, badang satu butir, tekat-menekat, kait-mengait, bunga kertas

22 L.O.T 404/1936, *Contributions Towards the Kuala Terengganu Agricultural Show for 30 July 1936.*

23 S.T 86/1357, *Mempersilakan DYMM Berangkat ke Besut Kerana Membuka Pertunjukan 1938.*

24 S.T 86/1357, *Mempersilakan DYMM Berangkat Ke Besut Kerana Membuka Pertunjukan 1938.* Surat daripada Pejabat Pesuruhjaya Besar Jajahan Barat Besut kepada Setiausaha Sulit ke bawah DYMM Sultan dengan kesejahteraannya pada 30 Jun 1938.

PERTUNJUKAN TANAMAN DAN PERTUKANGAN: MEMARTABATKAN PRODUK WARISAN
HASIL TANGAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU

Bil	Kategori/ Jenis
2	Pertukangan kayu: perahu kecil, tongkat, cerana, kotak, perangkap tikus buatan sendiri.
3	Pertukangan besi: keris, pisau, golok, parang, kapak
4	Barangan murid-murid sekolah Melayu: jenis pertukangan kayu, anyaman, jahitan, lukisan, tali, rotan, terendak, jenis sayuran (timun, peria, petola, lada jambangan, lada butir, kacang goreng, kacang, labu, lobak, kobis)
5	Buah-buahan: nangka sebutir, limau besar dua butir, limau langkap tiga butir, limau penawar tiga butir, limau nipis enam butir, limau nanas besar satu butir, limau sedang satu butir, pinang masak satu tandan, pinang kering satu cupak, buah kekabu tiga butir, buah kopi satu leng, buah kelapa satu butir, kelapa kering 10 keping bagi orang Melayu, pisang kelat siam satu tandan, pisang emas satu tandan, pisang lemak manis satu tandan, pisang ayam satu tandan, pisang kelat lega satu tandan, pisang kelat abu satu tandan, pisang nor satu tandan, pisang tualang satu tandan, pisang lang satu tandan, pisang nangka satu tandan, limau purut tiga butir, jambu 10 butir, macang tiga butir, betik dua butir, gambir satu cetong, manisan tiga kerek, sawa nila (ciku) tiga butir, durian satu butir, rambutan enam butir, duku 10 butir, langsung satu cupak, petai lima keping, jering 10 butir, pauh enam butir, mempelam tiga butir.
6	Sayur-sayuran: terung tiga butir, terung masam lima butir, ubi kayu tiga tongkol, ubi badak tiga tongkol, ubi setela lima tongkol, ubi sengkayang lima tongkol, tebu tiga batang, jagung tiga tongkol, lada jambangan, lada cina lima butir, kobis satu perdu, labu air satu butir, labu manis satu butir, labu peringgi satu butir, kacang parang tiga keeping, kacang sepat setengah kati, kacang botol suku kati, kacang perut ayam setengah kati, timun batang satu butir, timun cina satu butir, timun ular satu butir, kundur satu butir, petola ular tiga batang, ketener tiga butir, peria dua butir, lobak lima perdu, timun eropah satu butir.
7	Daun: tembakau enam helai, tembakau kering satu tepek, sireh satu susun.
8	Padi: padi pulut satu kemi, padi bertangkai (cendungan) satu kemi, padi bertangkai (tugalan) satu kemi, beras jemah satu leng, beras pulut satu leng,
9	Hidupan kecil: ayam jantan seekor, ayam betina seekor, itik jantan satu ekor, itik betina satu ekor, itik serati satu ekor, itik angsa satu ekor, itik turki seekor, ayam setara sepasang, telur ayam tiga butir, telur itik tiga butir, telur angsa dua butir, telur ayam turki dua butir, telur serati dua butir, telur ayam setara tiga butir.
10	getah dan minyak: getah mesin yang berasap 3 keping. Getah mesin yang tidak berasap 3 keping, minyak sapi satu botol. Minyak nyiur satu botol
11	Hidupan besar: kerbau seekor. Lembu seekor. Kambing seekor. Biri2 seekor

L.O.K 85/38. *Kemaman Agricultural Show 1938*

Pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kuala Terengganu pada tahun 1938 pula diadakan pada awal bulan Oktober 1938. Pertunjukan ini dijangka bertambah besar dan mendapat sambutan yang memberangsangkan oleh masyarakat Melayu di Terengganu. Dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini, ianya memberi peluang kepada masyarakat tempatan untuk memperkenalkan dan memasyhurkan produk keluaran mereka. Ramai pengusaha dan peniaga mengambil peluang untuk mempromosikan produk hasil tangan mereka menerusi pertunjukan yang diadakan. Ini merupakan salah satu cara untuk memajukan produk hasil tangan yang diusahakan oleh mereka dan seterusnya meningkatkan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu.²⁵ Manakala, barangan pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kuala Terengganu pada tahun 1938 ditempatkan di tanah wakaf Kampung Padang Kuala Terengganu dan dikumpul oleh ahli jawatankuasa yang dilantik. Pertunjukan ini akan diadakan pada 6 Oktober 1938 dan dirasmikan oleh Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada pukul 11 pagi. Oleh hal yang demikian itu, produk hasil tangan masyarakat Melayu di Kuala Terengganu hendaklah dihantar ke tempat pertunjukan selewat-lewatnya pukul 12 tengahari pada 5 Oktober 1938. Kategori barangan pertunjukan termasuklah padi, kerbau, lembu, kambing, biri-biri, buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, itik, ikan, kelapa kering, sarong (benang emas, telepok, tikar halus, tudung saji, penyapu, barangan besi, tekat-menekat, tembaga kuning, tembaga putih, barangan kayu, tali rotan dan tali kail). Bagi setiap kategori produk hasil tangan masyarakat Melayu ini, ketua kumpulan setiap kategori telah dilantik untuk melancarkan lagi pertunjukan yang akan diadakan sebagaimana jadual 4:

Jadual 5: Nama Ketua Kumpulan mengikut Kategori di Kuala Terengganu tahun 1938

Bil	Kategori	Nama Ketua Kumpulan
1	Padi	Che Hashim
2	Kerbau dan Lembu	Che Long
3	Kambing dan Biri-biri	Che Long
4	Buah-buahan	Sheikh Ahmad
5	Sayur-sayuran	Che Samsuddin
6	Ayam dan Itik	Che Ahmad Onching
7	Ikan, Kelapa Kering dan Pinang Kering	Che Omar Kadir
8	Sarong	Che Ismail Hj Kassim
9	Getah Para	Syed A. Rahman
10	Pertukangan Sekolah	Tengku Hassan

Sumber: L.O.M 85/38. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Jadual 5 menunjukkan nama ketua kumpulan mengikut kategori produk hasil tangan masyarakat Melayu di Kuala Terengganu pada tahun 1938. Ketua kumpulan untuk kategori padi ialah Che Hashim, kerbau, lembu, kambing dan biri-biri di bawah Che Long. Manakala ketua kumpulan untuk kategori buah-buahan ialah Che Samsuddin, kategori ayam dan itik di bawah Che Ahmad Onching. Bagi kategori ikan, kelapa kering dan pinang kering adalah di


25 S.A 445/1357, *Perkara Memohon Pendahuluan Wang Kerana Belanja Pertunjukan Kuala Terengganu dan Jajahan Bagi Tahun 1938*. Surat daripada Pesuruhjaya Tanah dan Galian Kuala Terengganu kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 27 Jun 1938.

PERTUNJUKAN TANAMAN DAN PERTUKANGAN: MEMARTABATKAN PRODUK WARISAN
HASIL TANGAN MASYARAKAT MELAYU TERENGGANU

bawah Che Omar Kadir sebagai ketua dan penolongnya iaitu Che Mohd bin Salleh. Kategori sarong di bawah Che Ismail Hj Kassim, getah para di bawah Syed A. Rahman dan kategori pertukangan kayu pula, ketuanya ialah Tengku Hassan.²⁶

Pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman pada tahun 1938 merupakan pertunjukan kali ke enam. Pertunjukan ini telah diadakan di *Padang Penghiboran Chukai Kemaman*. Pertunjukan ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Pekerma Wira, Pesuruhjaya Jajahan Timur pada pukul 10 pagi pada 11 Ogos 1938.

L.O.K 85/38. *Kemaman Agricultural Show 1938.*




Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Tarikh pertunjukan yang dipilih adalah sempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Pertunjukan ini diraikan dengan temasya sukan dan permainan serta aktiviti malam yang dapat menarik lebih ramai pengunjung ke pertunjukan. Sebelum perasmian pertunjukan tanaman dan pertukangan, ucapan alu-aluan telah disempurnakan oleh Tuan W. Cole, selaku Penolong Adviser Kemaman dan Tengku Pesuruhjaya. Bagi menyempurnakan pertunjukan tanaman dan pertukangan, lima buah bangsal telah didirikan untuk meletak barangan pertunjukan. Terdapat enam kumpulan barang-barang pertunjukan. Kumpulan pertama adalah sayur-sayuran iaitu sebanyak 192 penyertaan. Kumpulan kedua iaitu padi sebanyak 85 barang atau penyertaan. Kumpulan ketiga pula ialah buah-buahan iaitu sebanyak 112 barang atau penyertaan. Kumpulan keempat adalah kategori getah dan minyak iaitu sebanyak 90 penyertaan. Pertunjukan tanaman dan pertukangan turut mempamerkan jenis-jenis isi bumi yang dikeluarkan oleh lombong-lombong serta jenis

26 L.O.M 85/38, *Pertunjukan Tanaman Kuala Terengganu.*

kayu-kayuan yang dikeluarkan oleh syarikat Engine Gergaji Hin Leong dan juga barangan perniagaan yang diperbuat dalam negeri Terengganu seperti Ayer Lemonade, Tembakau, Cherutu. Dengan hasil usaha oleh Pegawai Daerah Kemasik, sebahagian besar daripada barangan pertunjukan adalah dari masyarakat Melayu di daerah Kemasik. Berdasarkan memorandum dari *Collector of Land Revenue Kemaman* pada 28 Julai 1938, Setiap barangan pertunjukan akan dijaga dan diterima oleh petugas-petugas yang dilantik untuk melancarkan penyerahan barangan pertunjukan dilakukan. Petugas yang dilantik akan menerima barangan pertunjukan bermula pukul 11 pagi pada 10 Ogos 1938. Manakala pada pukul 8 pagi bertarikh 11 Ogos 1938, semua petugas perlu hadir di tempat pertunjukan dan berada di situ sehingga waktu penyerahan semula barangan kepada peserta pertunjukan. Nama-nama petugas yang dilantik dalam kategori sayur-sayuran ialah Che Muda Kerani dan Mr Siew Chong. Kategori Padi dan Beras di bawah Che Wahab, Man Pen: Penghulu. Manakala Getah dan Minyak di bawah Che Mohamed K.S.G dan Che Mat Bandaran. Kategori Hidupan dan Telur ditugaskan di bawah Che Muda N.S dan Awang Penghulu Binjai. Kategori ikan ialah Mr Bing Aik dan Abdullah Pelayan. Bagi barangan pertunjukan pula di bawah Che Talib, Che Bachik. Galian pula di bawah kategori Mr Low Yoh Chong. Pesuruhjaya Tanah dan Galian Daerah Kemaman telah mengutus surat pada 5 september 1938 untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan M.C. ff Sheppard M.C.S di Kuala Lumpur di atas penajaan hadiah kepada peserta yang menang dalam pertunjukan tanaman dan pertunjukan di Kemaman 1938. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Tengku Pesuruhjaya Kemaman pada 11 Ogos 1938. Antara nama-nama pemenang yang mendapat hadiah ialah tempat pertama dimenangi oleh Ngah Abu bakar, manakala tempat kedua dimenangi oleh Abdullah bin Mohd untuk kategori Tikar halus kecil. Bagi Tudung saji mengkuang pula dimenangi oleh Tuan Man bin Abu Bakar mendapat Tempat Pertama dan Mohamad bin Ali mendapat Tempat Kedua. Jumlah perbelanjaan untuk pertunjukan di Kemaman tahun 1938 adalah sebanyak \$246.27.²⁷

L.O.K 85/38. *Kemaman Agricultural Show 1938.*



Sumber: Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Pertunjukan peringkat Negeri-negeri Melayu (NNM) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu turut diadakan bagi meluaskan lagi pasaran produk keluaran masyarakat. Pada tahun 1938, satu pertunjukan yang dinamakan *Fifteenth Malayan Exhibition* bertempat di Kuala Lumpur diadakan. Tuan M.C. ff. Sheppard menetapkan di ruang belakang bahagian bangsal pameran barangan negeri Terengganu ditampal kertas yang dilukis dengan gambar pantai dan laut Terengganu, rumah dan perempuan sedang menenun kain serta suaminya balik dari menangkap ikan dengan membawa hasil tangkapan ikan yang banyak bagi menggambarkan keadaan kehidupan masyarakat Melayu di Terengganu.²⁸ Tujuannya adalah untuk menarik perhatian ramai pengunjung ke pertunjukan dan seterusnya menggambarkan bahawa kehidupan masyarakat Melayu Terengganu adalah sinonim dengan laut, pantai, aktiviti menangkap ikan dan tenunan tekstil. Pada masa yang sama, ini dapat mempergiatkan lagi dan mempromosikan produk hasil tangan ke peringkat yang lebih tinggi.

Berdasarkan fail Pejabat Sultan Istana Badariah, Kuala Terengganu, DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah bersetuju untuk merasmikan pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan di Kuala Terengganu pada 14 September 1939 pada pukul 11 pagi. Sememangnya DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah amat menitikberatkan produk hasil tangan masyarakat untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu. Barangan keluaran tempatan yang dipamerkan dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kuala Terengganu pada tahun 1939 termasuklah kategori padi, kerbau, lembu, kambing, biri-biri, buah-buahan, sayur-sayuran, ayam, itik, ikan, kelapa, pinang kering, sarung, getah para dan pertukangan sekolah. Setiap peserta pertunjukan perlu mengikut enam peraturan²⁹ yang ditetapkan oleh pihak penganjur agar pertunjukan dapat dijalankan dengan baik dan lancar.³⁰

Bagi pertunjukan di daerah Kemaman kali ketujuh pada tahun 1939 pula, mendapat sambutan yang membanggakan dan berlakunya peningkatan penyertaan dalam kalangan peserta dan pengunjung. Jumlah peserta yang terlibat dalam pertunjukan tanaman dan pertukangan di Kemaman pada tahun 1939 adalah seramai 2,002 orang berbanding pertunjukan tanaman dan pertukangan Kemaman pada tahun 1935 iaitu 984 orang. Manakala pengunjung yang datang adalah seramai 5000 orang. Ini merupakan jumlah yang agak besar berbanding

-
- 28 B.A.T 37/1938, *Fifteenth Malayan Exhibition 1938*. Report oleh Orang Kaya Indera Pahlawan pada 24 Ogos 1938 berkaitan perkara membawa barangan keluaran Terengganu ke dalam pertunjukan Besar Kuala Lumpur bagi tahun 1938 yang diadakan pada 30-31 Julai dan 1 Ogos.
- 29 Terdapat enam peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur iaitu pertama, barangan yang ditunjukkan hendaklah sampai ke kawasan tanah wakaf di Kampung Padang Kuala Terengganu tidak lewat daripada pukul 12 tengahari pada 13hb September 1939. Kedua, barangan pertunjukan mestilah dilabelkan dengan menyatakan nama tuan barang, jenis barang dan tempat ditanamnya atau diusahakan. Ketiga, barangan pertunjukan bolehlah dijual selepas pertunjukan diadakan. Ke empat, pemenang hadiah menurut keputusan hakim sahaja. Kelima, Pejabat Tanah tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan barangan pertunjukan kecuali Pejabat Tanah akan menyiasat sekiranya ada laporan yang buat oleh peserta. Keenam, barangan yang dibawa dalam pertunjukan hendaklah ditanam atau diusahakan sendiri oleh masyarakat di negeri Terengganu. Rujuk dalam S.T 38/1358, *Persila Duli Yang Maha Mulia Berangkat Membuka Pertunjukan Tanaman Kuala Terengganu Pukul 11 Pagi Hari Khamis Tahun 14 September 1939*.
- 30 S.T 38/1358, *Persila Duli Yang Maha Mulia Berangkat Membuka Pertunjukan Tanaman Kuala Terengganu pukul 11 pagi hari Khamis tahun 14 September 1939*. Surat daripada *Collector of Lands Revenue* Kuala Terengganu iaitu Tengku Lela Segara kepada Setiausaha Sulit Duli Yang Maha Mulia Sultan Jabatan Maha Tinggi Terengganu dengan Kesejahteraannya.

tahun sebelumnya. Pertunjukan di daerah Kemaman kali ini diadakan di bangunan Sekolah Melayu Chukai, Kemaman pada 16 Ogos 1939. Bagi menjayakannya, Che Dahlan bin Wahab dilantik sebagai setiausaha pertunjukan tersebut. Guru-guru dan pengakap dari Sekolah Melayu Chukai turut memberi bantuan dalam persediaan dan hiasan tempat bagi menjayakan pertunjukan tersebut. Perasmian pertunjukan Tanaman Kemaman 1939 disempurnakan oleh DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Kategori pertunjukan termasuklah sayur-sayuran, padi, buah-buahan, getah dan minyak, peternakan, perikanan dan kumpulan pertukangan.³¹

Menurut memorandum daripada Pesuruhjaya Jajahan Barat Besut, pertunjukan tanaman dan pertukangan di Jajahan Barat Besut akan diadakan pada 8 hingga 9 Jun 1941. Bagi menjayakan pertunjukan ini, pegawai dan kakitangan pejabat kerajaan di Kampung Raja diminta memberi bantuan dan sokongan yang sepenuhnya dalam pertunjukan tersebut. Pejabat kerajaan di Kampung Raja ditutup satu hari iaitu pada 9 Jun 1941 hari Isnin supaya kakitangan kerajaan dapat memberi pertolongan yang sewajarnya bagi menjayakan pertunjukan yang diadakan. Surat daripada Pesuruhjaya negeri bagi daerah Besut kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu: *Adalah saya dengan hormat maklumkan iaitu pada hari Isnin 9 Jun 1941 ini hari pertunjukan tanaman dan pertukangan di Besut maka oleh pegawai-pegawai kakitangan pejabat di Kampung Raja membuat pekerjaan dalam pertunjukan ini, saya pohon kebenaran tuan ditutup pejabat satu hari pada hari isnin itu kerana pekerjaan yang tersebut demikianlah adanya.*³² Pertunjukan tanaman dan pertukangan pada tahun 1941 di jajahan barat Besut dirasmikan oleh DYMM Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Barangan pertunjukan tanaman Besut dan Setiu termasuklah pertukangan murid-murid sekolah, buah-buahan, sayur-sayuran, padi, hidupan kecil dan produk perikanan iaitu belacan, ikan bilis dan ikan kering dengan jumlah yang ditetapkan masing-masing sebanyak satu kati. Oleh hal yang demikian, pertunjukan tanaman dan pertukangan mampu melonjakkan nilai warisan dan ekonomi ke peringkat yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu merupakan produk ekonomi masyarakat Melayu Terengganu yang utama. Untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu, pentadbiran di bawah kepimpinan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah telah mengambil langkah dengan mengadakan pertunjukan tanaman dan pertukangan untuk mempamerkan produk warisan hasil tangan masyarakat Melayu di Terengganu sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau pun antarabangsa. Melalui pertunjukan tanaman dan pertukangan ini, produk warisan masyarakat Melayu dapat dipamerkan dan seterusnya mempromosikan barangan hasil tangan kepada masyarakat tempatan mahu pun luar. Dengan cara ini, produk warisan hasil tangan akan berkembang maju dan seterusnya meningkatkan ekonomi masyarakat dan negeri Terengganu. Pertunjukan tanaman dan pertukangan dilaksanakan setiap tahun yang melibatkan daerah Kuala Terengganu, Dungun, Besut, Setiu dan Kemaman. Ini menunjukkan bahawa produk warisan hasil tangan adalah sumber ekonomi utama masyarakat Melayu Terengganu

31 L.O.K 232/1939, *Kemaman Agriculture Show 1939*. Daripada *Collector of Land Revenue, Kemaman*. 14 Mac 1939.

32 S.A 471/1360, *Pertunjukan Bagi Jajahan Barat Besut Tahun 1941*.

kerana setiap pertunjukan yang diadakan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan ataupun antarabangsa, produk warisan hasil tangan seperti tembaga, tekstil, sayur-sayuran, buah-buahan, pertukangan, perikanan dan kelapa kering adalah barangan utama untuk dipamerkan dalam pertunjukan. Apa yang jelas, pertunjukan tanaman dan pertukangan yang diadakan kerana disebabkan sikap keprihatinan dan sokongan padu dari Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah dalam meningkatkan ekonomi warisan hasil tangan masyarakat Melayu di Terengganu. Ini menjelaskan bahawa produk warisan hasil tangan adalah sumber ekonomi utama masyarakat dan negeri Terengganu.

Bibliografi

- B.A.T 37/1938. *Fifteenth Malayan Exhibition 1938*.
C.L.M 158/1351. *Annual Report 1932*.
C.L.M 249/1936. *Pertunjukan Tanaman Di Kampung Raja Besut 1936*.
C.L.M 310/1353. *The Agri Horticultural Shows 1935*.
J.M.B 126/1352. *Pertunjukan Yang ke-10 bagi Semenanjung Tanah Melayu*.
J.M.B 231/1352. *Pertunjukan Perusahaan di Kemaman Tahun 1352 (1934)*.
J.M.B 455/1340. *Hendak Diadakan Pertunjukan Besar di London*.
J.M.B 629/1352. *Pertunjukan Tanaman dan Pertukangan 1934*.
L.O.K 85/38. *Kemaman Agriculture Show 1938*.
L.O.K 232/1939. *Kemaman Agriculture Show 1939*.
L.O.M 68/1934. *Mengadakan Pertunjukan (Syor) di Kuala Terengganu Tahun 1934*.
L.O.M 85/38. *Pertunjukan Tanaman Kuala Terengganu*.
L.O.T 404/1936. *Contributions Towards the Kuala Terengganu Agricultural Show for 30 July 1936*.
L.O.T 415/1936. *Pertunjukan Tanaman-Tanaman di Kampung Raja Besut 1936*.
S.A 445/1357. *Perkara Memohon Pendahuluan Wang Kerana Belanja Pertunjukan Kuala Terengganu dan Jajahan Bagi Tahun 1938*.
S.A 471/1360. *Pertunjukan Bagi Jajahan Barat Besut Tahun 1941*.
S.T 38/1355. *Berkenaan Pertunjukan Tanaman di Kuala Terengganu*.
S.T 38/1358. *Persila Duli Yang Maha Mulia Berangkat Membuka Pertunjukan Tanaman Kuala Terengganu Pukul 11 Pagi Hari Khamis Tahun 14 September 1939*.
S.T 60/1352. *Pertunjukan Perusahaan di Kemaman Dalam Tahun 1352 (1934)*.
S.T 86/1357. *Mempersilakan DYMM Berangkat ke Besut Kerana Membuka Pertunjukan 1938*.